



Syarikat telah mempelbagaikan produknya dengan lebih agresif kepada hutang sewa beli dan pemajakan dan hutang sewa beli secara Islam dalam tahun 2002. Strategi ini menghasilkan pulangan yang positif seperti yang dapat dilihat daripada peningkatan jumlah pembelian pinjaman dan hutang serta tahap keuntungan yang lebih tinggi dalam tahun 2002.

# Penyata Pengerusi

Ooi Sang Kuang  
Pengerusi



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukatanya membentangkan Laporan Tahunan Keenam Belas dan Penyata Kewangan Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Tahun 2002 memperlihatkan persekitaran yang mencabar dengan keadaan mudah tunai yang berlebihan di dalam sistem perbankan dan kadar faedah yang rendah. Bank-bank perdagangan secara amnya kurang bersedia untuk menjual pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas. Walau bagaimanapun, untuk melindung nilai portfolio berkadar tetap mereka, syarikat-syarikat kewangan telah mengambil peluang dari kadar Cagamas yang rendah dengan menjual hutang sewa beli dan pemajakan mereka, di mana ianya mewakili 62.8% daripada pembelian keseluruhan Cagamas pada sepanjang tahun.

Cagamas telah melaksanakan strategi pemasaran yang agresif untuk memasarkan produk-produk Syarikat memandangkan persekitaran yang lebih mencabar ini. Di samping itu, Syarikat telah mula mempelbagaikan produknya dengan lebih agresif kepada hutang sewa beli dan pemajakan dan hutang sewa beli secara Islam. Strategi ini telah menghasilkan pulangan yang positif seperti yang dapat dilihat daripada peningkatan jumlah pembelian pinjaman dan hutang serta tahap keuntungan yang lebih tinggi dalam tahun 2002. Strategi mempelbagaikan produk ini telah mempertingkatkan lagi daya tahan Syarikat.

## Kemuncak Penting

Sepanjang tahun 2002, Syarikat telah mencatatkan pembelian pinjaman dan hutang berjumlah RM10,992 juta, iaitu jumlah pembelian yang tertinggi dalam sesuatu tahun. Pada akhir tahun 2002, Cagamas telah

membeli 15.9% daripada pinjaman perumahan dan 18.6% daripada hutang sewa beli dan pemajakan belum lunas di dalam sistem perbankan. Pada hari ini, Cagamas berada di dalam kedudukan yang baik untuk terus memainkan peranannya yang penting dan menonjol dalam menyediakan dana yang berharga saing kepada sistem perbankan.

Syarikat akan terus memberi sokongan kepada usaha Bank Negara Malaysia dalam memajukan sistem dwiperbankan, di mana sistem perbankan Islam beroperasi selari dengan sistem perbankan konvensional. Sepanjang tahun 2002, Cagamas telah membeli RM610 juta harta secara Islam, di mana RM500 juta daripadanya merupakan hutang sewa beli secara Islam. Ini merupakan jumlah pembelian yang tertinggi bagi harta secara Islam semenjak produk secara Islam diperkenalkan dalam tahun 1994.

Pada akhir Disember 2002, bon Cagamas belum tebus adalah sebanyak RM22,595 juta dan ini merupakan 16.5% daripada sekuriti hutang swasta atau 7.9% daripada jumlah bon (termasuk sekuriti sektor awam) belum tebus di dalam pasaran modal.

Sebagai mencerminkan keteguhan kedudukan kewangan Syarikat dan amalan pengurusan risikonya yang berhemat, bon dan nota yang diterbitkan oleh Cagamas dalam tahun 2002 terus diberikan penarafan tertinggi iaitu AAA dan P1 dari Rating Agency Malaysia Berhad dan AAA dan MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad.

## **Prestasi Kewangan**

Sepanjang tahun 2002, Cagamas telah mencapai untung sebelum cukai sebanyak RM208 juta, iaitu peningkatan ketara sebanyak 26.1% berbanding dengan untung sebelum cukai sebanyak RM165 juta dalam tahun sebelumnya. Ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan bagi Cagamas memandangkan Syarikat berupaya melawan paras keuntungan yang menurun sejak tiga tahun lalu. Peningkatan di dalam keuntungan ini adalah disumbangkan oleh jumlah pembelian pinjaman dan hutang yang lebih tinggi pada sepanjang tahun, dengan sebahagian besar daripada pembelian tersebut sebanyak 64.1% dibuat dalam setengah tahun pertama tahun 2002.

Pulangan selepas cukai sesyer meningkat dari 79 sen dalam tahun 2001 kepada 100 sen dalam tahun 2002, menghasilkan pulangan selepas cukai sebanyak 13.6%

ke atas purata dana pemegang syer, berbanding dengan 11.9% dalam tahun sebelumnya. Oleh itu, dana pemegang syer Syarikat meningkat sebanyak 12.4% dari RM1,036 juta dalam tahun 2001 ke RM1,164 juta dalam tahun 2002. Aset ketara bersih sesyer pula telah meningkat dari RM6.91 pada akhir tahun 2001 ke RM7.76 pada akhir tahun 2002. Jumlah pembelian yang lebih tinggi dalam tahun 2002 juga menyumbang kepada peningkatan dalam jumlah aset Syarikat dari RM22,812 juta pada akhir tahun 2001 ke RM26,383 juta pada akhir tahun 2002.

## **Dividen**

Untuk setengah tahun pertama berakhir 30 Jun 2002, Lembaga Pengarah telah mengisyiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Sebagai mencerminkan prestasi kewangan Syarikat yang memberangsangkan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Lembaga Pengarah juga telah mencadangkan dividen khas sebanyak 93 sen sesyer (dikecualikan cukai) memandangkan rizab yang tinggi sebanyak RM1,014.3 juta dan nisbah modal berwajaran risiko yang tinggi sebanyak 22.3% pada tahun berakhir 2002 serta bersempena dengan Ulang Tahun Kelima Belas Syarikat. Ini menjadikan jumlah dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 kepada 25 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) dan 93 sen sesyer (dikecualikan cukai), berbanding 20 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) dalam tahun 2001. Jumlah dividen yang dicadangkan untuk tahun kewangan 2002 mewakili lindungan dividen sebanyak 0.9 kali.

## **Inisiatif dalam Tahun 2002**

Penggunaan dan pengaruh teknologi terkini akan terus menjadi cabaran kepada Syarikat, terutamanya dalam mengintegrasikan teknologi berkaitan ke dalam arus perniagaan. Oleh itu, Syarikat telah memulakan fasa pertama bagi perlaksanaan Pelan Induk 3-Tahun bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Sepanjang tahun 2002, Sistem Pemprosesan Pinjaman dan Sistem Pengurusan Perbendaharaan telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan produktiviti, menentukan proses kerja yang cekap, menghasilkan produk dan perkhidmatan baru dengan lebih berkesan serta menjalankan pengurusan risiko yang berkesan.

Menyedari tentang pentingnya bagi Syarikat untuk bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan, Syarikat telah menyiapkan Pelan Kesinambungan Perniagaan (PKP) yang menyeluruh bagi meminimumkan kesan dari sebarang gangguan yang mungkin timbul akibat dari bencana dalaman dan luaran. PKP ini akan sentiasa dikemaskini dan diuji untuk memastikan Syarikat berupaya menggembeleng sumbernya dengan secepat mungkin bagi memulihkan operasi Syarikat.

Syarikat mematuhi piawai yang tinggi bagi ketelusan, kebertanggungjawapan dan kewibawaan dalam urusan perniagaan, operasi dan pendedahan korporatnya. Syarikat adalah komited dalam mematuhi dan menggunakan prinsip yang sesuai dan amalan terbaik di dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia dalam polisi dan peraturannya. Sepanjang tahun 2002, Syarikat telah menyiapkan rangka kerja pengurusan risiko bagi menilai risiko secara berkesan dan memaksimumkan nilai bagi para pemegang syer dan mengekalkan prestasi perniagaan Syarikat.

## Prospek

Pelonggaran kewangan dan ekonomi yang sedang dilaksanakan akan membawa bersamanya peluang serta cabaran baru kepada Cagamas. Kejayaan yang berterusan bagi Syarikat bergantung kepada profesionalisme, kepimpinan, kewangan yang kreatif dan inovatif dalam membangunkan produk baru sebagai tindak balas kepada permintaan pasaran modal yang sentiasa berubah-ubah di dalam persekitaran yang semakin berdaya saing.

Syarikat akan memperbanyakkan lagi produk yang ditawarkannya dengan pengenalan pembelian terimaan kredit kad dari institusi kewangan dengan hak tuntut balik dalam bulan Januari 2003. Syarikat akan terus melipat gandakan usahanya untuk mempertingkatkan produk yang sedia ada, membangunkan produk baru dan mencari peluang perniagaan yang baru bagi mengekalkan pertumbuhan Syarikat serta memenuhi keperluan pasaran yang semakin canggih.

Bagi mempertingkatkan daya saing dan tarikan produknya, saluran penghantaran yang cekap melalui TMK akan ditekankan supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan secara terus kepada para pelanggannya, terutamanya dengan penggunaan internet dan aplikasi-aplikasi yang berasaskan web. Syarikat akan terus menggunakan pengaruh teknologi bagi memperkenalkan produk baru, memperkemas operasi dan mengembangkan operasi perniagaannya.

Rangka kerja pengurusan risiko yang telah disediakan akan membolehkan Syarikat untuk membangun serta melaksanakan strategi pengurusan risiko secara menyeluruh untuk menilai pelbagai risiko yang wujud di

dalam perniagaan Syarikat. Ini melibatkan penajaran strategi perniagaan dengan polisi pengurusan risiko korporat, pembangunan model risiko, sistem serta keupayaan pengurusan data dan penggunaan kumpulan serta jawatankuasa pelbagai kepakaran sebagai suatu mekanisme untuk memudahkan proses pengurusan risiko.

Cagamas telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah model kepada negara-negara membangun yang bercadang untuk mewujudkan pasaran gadaijanji sekunder. Oleh itu, Cagamas telah menerima dalam tahun 2002 wakil daripada beberapa buah negara yang berminat untuk mempelajari penubuhan dan operasi Cagamas. Bank Dunia juga telah menjemput Cagamas untuk membentangkan model serta pengalamannya pada persidangan yang berlangsung di Bangladesh dan Pakistan.

## Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pelanggan serta para pemegang syer di atas sokongan berterusan yang diberikan bagi mencapai prestasi yang membanggakan dalam tahun 2002. Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa, terutamanya Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di atas sokongan dan bantuan yang berterusan dan berharga yang diberikan bagi membolehkan Cagamas mencapai matlamat dengan jayanya sebagai sebuah institusi pasaran sekunder yang ulung.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Encik Michael Andrew Hague yang menyertai Lembaga Pengarah dalam bulan Julai 2002. Saya ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor, Bank Negara Malaysia, yang telah melepaskan jawatan sebagai Pengurus dan Pengarah Syarikat dalam bulan Oktober 2002. Cagamas merasa amat terhutang budi kepada Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz di atas pengawasan beliau dalam menerajui Syarikat ke arah pencapaian yang lebih tinggi serta pertumbuhan yang pesat dan berkekalan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah di atas sumbangan Puan Yvonne Chia, Dato' Huang Sin Cheng dan Encik Lee Kam Chuen yang telah bersara dari Lembaga Pengarah, masing-masing dalam bulan Mac, Jun dan Disember 2002.



**Ooi Sang Kuang**  
Pengerusi

# Evolusi Cagamas

Cagamas telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1986 dengan tujuan untuk bertindak sebagai sebuah badan khas bagi menggerakkan dana pada kos yang rendah untuk menyokong polisi pemilikan rumah negara dan menerajui pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta di Malaysia. Syarikat telah beroperasi selama 15 tahun semenjak memulakan perniagaannya dalam bulan Oktober 1987. Jumlah pinjaman perumahan belum lunas yang telah dibeli oleh Cagamas pada akhir bulan Disember 2002 adalah sebanyak RM14,823 juta, manakala jumlah sekuriti hutang Cagamas belum tebus adalah sebanyak RM24,970 juta.

## **Pasaran Gadai Janji dan Sekuriti Hutang Malaysia Sebelum Penubuhan Cagamas**

Kerajaan Malaysia telah begitu aktif mempromosikan pemilikan rumah secara meluas semenjak tahun 1970-an, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Objektif negara ini akan hanya tercapai sekiranya laluan kepada kemudahan-kemudahan kredit disediakan untuk golongan ini. Laluan tersebut akan hanya wujud sekiranya terdapat para pemberi pinjaman yang bersedia untuk memberi pinjaman dan kos bagi membayar faedah dan pokok pinjaman mampu ditanggung oleh para peminjam. Walau bagaimanapun, para pemberi pinjaman utama bagi perumahan hanya akan bersedia untuk menjadi pemberi pinjaman sekiranya mereka berjaya mendapatkan dana yang diperlukan pada kos yang berpatutan, dan menjual sebahagian daripada pinjaman perumahan mereka yang sedia ada supaya pinjaman jangka panjang tersebut tidak membentuk sebahagian besar daripada jumlah aset mereka.

Pada awal tahun 1980-an, institusi-institusi kewangan mengalami keadaan kecairan yang ketat seperti yang dapat dilihat daripada nisbah pinjaman kepada deposit yang merosot ke 98.0% pada 30 September 1986 dari 89.0% pada akhir tahun 1980. Oleh yang demikian, institusi kewangan agak keberatan untuk memberi pinjaman perumahan memandangkan pinjaman tersebut merupakan aset jangka panjang bukan mudah tunai.

Institusi kewangan juga tertakluk kepada risiko kecairan yang timbul daripada ketidakpadanan kematangan dana dan pinjaman perumahan memandangkan institusi kewangan tersebut meminjam untuk jangka pendek (sebahagian besarnya di dalam bentuk deposit tidak lebih dari 12 bulan) sedangkan pinjaman perumahan mereka merupakan pinjaman jangka panjang (10 hingga 15 tahun). Institusi kewangan juga menghadapi risiko kewangan sekiranya sumber dana mereka adalah lebih tinggi daripada kadar pulangan ke atas pinjaman perumahan mereka, terutamanya

memandangkan kadar faedah ke atas pinjaman bagi rumah kos rendah dan sederhana berharga tidak melebihi RM100,000 telah ditetapkan pada kadar yang dikawal.

Tambahan pula, pasaran sekuriti hutang swasta tidak wujud sehingga Cagamas ditubuhkan. Pasaran sekuriti hutang telah dikuasai oleh Sekuriti Kerajaan Malaysia sehingga tahun 1980an.

## **Ciri-ciri Pinjaman Perumahan di Malaysia**

Pada ketika ini, pinjaman perumahan di Malaysia mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) Pinjaman perumahan mempunyai tempoh matang di antara 15 hingga 30 tahun berbanding dengan deposit institusi kewangan (di mana sebahagian besar daripada tempoh matangnya adalah tidak lebih dari 12 bulan) dan ini telah mendedahkan bank-bank kepada risiko kadar faedah; dan
- (b) Pinjaman perumahan mempunyai kadar keingkaran yang rendah dan kerugian daripada perampasan yang minimum. Oleh kerana itu, institusi kewangan merasa keberatan untuk menjual pinjaman tersebut tanpa syarat.

## **Model Cagamas:**

### **Pembuluh Pasaran Gadai Janji Sekunder yang Unik bagi Ekonomi Membangun**

Skim untuk membeli gadai janji yang dirumuskan oleh Cagamas telah dirangka bagi menyesuaikannya dengan keadaan tempatan dan mengatasi halangan-halangan yang mungkin menyekat skim tersebut daripada dilancarkan dengan jayanya.

Sebahagian daripada ciri-ciri istimewa model Cagamas yang telah diterima pakai di dalam pasaran kewangan adalah seperti berikut:

#### **(a) Pembelian dengan Hak Tuntut Balik**

Di bawah skim ini, Cagamas membeli pinjaman perumahan dengan hak tuntut balik kepada pemberi pinjaman primer, di mana pemberi pinjaman primer bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang mungkin timbul akibat daripada keingkaran para peminjam. Cagamas wajar untuk membeli pinjaman perumahan tersebut tanpa mengambil risiko kredit yang berkaitan dengannya memandangkan maklumat dan perangkaan berkenaan risiko kredit yang berkaitan dengan pinjaman perumahan tersebut adalah tidak mencukupi pada ketika Syarikat ditubuhkan. Walaupun Cagamas telah

memperkenalkan pembelian pinjaman perumahan tanpa hak tuntut balik pada tahun 1999, institusi kewangan masih tidak menjual sebarang pinjaman perumahan di bawah skim tersebut. Institusi kewangan keberatan untuk menjual disebabkan oleh kebimbangan mereka tentang kemungkinan nisbah pinjaman tidak berbayar mereka akan merosot sekiranya pinjaman-pinjaman yang berkualiti baik dikeluarkan daripada kunci kira-kira mereka.

Tambahan pula, institusi kewangan mempunyai modal yang mencukupi, dengan nisbah modal berwajaran risiko sebanyak 12.8% pada akhir bulan Disember 2002 berbanding dengan keperluan minimum sebanyak 8.0%.

#### **(b) Pembelian Berdasarkan Tempoh Kajian Semula Faedah**

Cagamas membeli pinjaman perumahan berdasarkan suatu tempoh kajian semula faedah yang telah dipersetujui di mana para pemberi pinjaman primer mempunyai pilihan untuk membeli balik pada akhir tempoh tersebut pinjaman-pinjaman yang telah dijual kepada Cagamas sekiranya mereka tidak bersetuju dengan kadar faedah baru yang ditawarkan oleh Cagamas. Pilihan untuk membeli balik pinjaman-pinjaman tersebut pada satu tarikh kemudian merupakan dorongan yang baik bagi institusi kewangan untuk menjual memandangkan mereka keberatan untuk menjual pinjaman-pinjaman perumahan tersebut dengan tanpa syarat.

#### **(c) Status Aset Cair Bagi Sekuriti Cagamas**


Dari segi pendanaan pula, Bank Negara Malaysia (BNM) mengiktiraf bon Cagamas sebagai aset cair untuk memenuhi keperluan kecairan yang dikenakan ke atas institusi kewangan.

Status aset cair berkenaan memastikan bahawa dana dapat diperolehi oleh Cagamas pada kos yang rendah untuk menggalakkan penjualan pinjaman perumahan kepada Cagamas memandangkan sebahagian besar pinjaman perumahan di Malaysia tertakluk kepada kadar faedah maksimum yang dikenakan oleh BNM.

#### **(d) Pengecualian Daripada Keperluan-keperluan Rizab Berkanun dan Kecairan**

BNM telah menjadikannya lebih menarik kepada institusi kewangan untuk menjual pinjaman-pinjaman mereka kepada Cagamas dengan membenarkan dana yang diperolehi daripada Cagamas dikecualikan daripada keperluan-keperluan rizab berkanun dan kecairan. Ini pada hakikatnya telah mengurangkan kos dana yang diperolehi daripada Cagamas berbanding dengan, misalnya deposit tetap, dan oleh itu membuatkan para pemberi pinjaman primer lebih berminat untuk menjual pinjaman-pinjaman mereka. Insentif ini masih lagi wujud bagi membolehkan Cagamas terus menyalurkan dana pada kos yang rendah kepada institusi kewangan supaya mereka dapat menerbitkan pinjaman-pinjaman perumahan pada kadar gadai janji yang rendah dan seterusnya menggalakkan pemilikan rumah.

**Carta 1**  
**Model Cagamas**



Cagamas membeli pinjaman-pinjaman perumahan daripada institusi-institusi yang menerbitkan pinjaman-pinjaman pada peringkat primer dan menerbitkan sekuriti hutang Cagamas bagi membiayai pembelian tersebut. Hasilnya, Cagamas telah menukar pinjaman-pinjaman perumahan tersebut kepada sekuriti hutang pada peringkat sekunder melalui satu proses yang telah disesuaikan dengan persekitaran pasaran di Malaysia.

Proses tersebut ditunjukkan di dalam Carta 1. Penerbit pinjaman perumahan, terutamanya bank perdagangan dan syarikat kewangan, memberi pinjaman-pinjaman perumahan kepada para pembeli rumah. Mereka kemudiannya menjual pinjaman-pinjaman tersebut kepada Cagamas dengan hak tuntutan balik. Cagamas kemudiannya akan mendapatkan dana daripada pasaran dengan menerbitkan sekuriti hutang dalam bentuk bon Cagamas dan nota Cagamas jangka pendek kepada para pelabur untuk membiayai pembelian tersebut.

Para pelabur termasuklah institusi kewangan, syarikat insurans, kumpulan wang pencen, syarikat bukan residen dan lain-lain pihak yang berminat untuk melabur di dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang bagi mendapatkan pendapatan pada kadar faedah tetap atau boleh ubah. Secara khususnya, ini merupakan cara bagaimana pasaran gadai janji sekunder beroperasi di Malaysia.

### **Model Cagamas: Kisah Kejayaannya**

Model Cagamas yang unik ini bolehlah dianggap berjaya memandangkan ianya telah memberi manfaat kepada kedua-dua para pembeli rumah dan institusi-institusi yang terlibat di dalam operasinya.


#### **(a) Pembeli Rumah**

Dana berharga saing yang disediakan kepada para pemberi pinjaman primer melalui skim Cagamas telah membolehkan para pembeli rumah mendapatkan kemudahan pinjaman perumahan pada kos yang berpatutan. Ini telah menggalakkan pemilikan rumah dan membantu pembangunan industri perumahan.

#### **(b) Institusi Kewangan**

Dengan menjual pinjaman-pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas, institusi-institusi kewangan berupaya mendapatkan mudah tunai yang diperlukan pada kos yang bersaingan bagi membolehkan mereka menerbitkan lebih banyak pinjaman-pinjaman perumahan dan mempertingkatkan operasi pemberian pinjaman mereka. Ini dapat dilihat daripada peningkatan di dalam jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan sebanyak lebih daripada seribu kali ganda, iaitu dari RM1.8 bilion pada tahun 1987 ke RM29.2 bilion pada 31 Disember 2002, seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 2. Satu-satunya kekecualian ialah pada tahun 1988 di mana jumlah pinjaman perumahan yang diluluskan telah menurun secara mendadak disebabkan oleh penguncupan ekonomi.

### **Carta 2 Jumlah Pinjaman Perumahan yang Diluluskan oleh Institusi Kewangan**



Sumber: Laporan Tahunan dan Buletin Perangkaan Bulanan BNM

Dana berharga saing yang diperolehi daripada Cagamas turut membolehkan institusi kewangan meletakkan harga yang berdaya saing ke atas produk-produk pinjaman mereka dan ini memberikan mereka kelebihan dalam operasi perniagaan mereka. Dengan menjual pinjaman-pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas, para pemberi pinjaman primer juga turut berupaya untuk melindung nilai perniagaan mereka daripada risiko kadar faedah, terutamanya sekiranya mereka memberi pinjaman-pinjaman berkadar tetap.

### (c) Pelabur

Sekuriti Cagamas telah diberi penarafan tertinggi oleh dua agensi penarafan tempatan di Malaysia. Ini mencerminkan kualiti tinggi bagi sekuriti Cagamas yang memberikan para pelabur satu pulangan yang selamat dan berpatutan ke atas pelaburan mereka. Kumpulan wang pencen dan simpanan, syarikat insurans dan bank perdagangan yang mempunyai lebihan dana yang banyak mendapati bahawa sekuriti Cagamas merupakan pelaburan yang menarik.

### (d) Kerajaan dan Ekonomi

Pasaran gadai janji sekunder telah membantu Kerajaan mencapai polisinya bagi menggalakkan pemilikan rumah, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini adalah kerana pinjaman-pinjaman untuk membayai pembelian rumah berharga tidak melebihi RM100,000 adalah tertakluk kepada kadar faedah maksimum sebanyak 9.0% setahun seperti yang dikenakan oleh BNM. Dana-dana Cagamas yang berharga saing membolehkan institusi kewangan mencapai objektif polisi BNM untuk menjadikan pinjaman-pinjaman perumahan lebih mampu diambil oleh golongan berpendapatan rendah tanpa sebarang subsidi faedah yang ditanggung oleh pihak-pihak berkuasa.

## **Model Cagamas: Halangan Awal dan Cabaran**

Tahun-tahun awal penubuhan Cagamas tidak terlepas daripada masalah. Operasinya yang masih baru dan barisan produknya yang terhad menjadi halangan kepada pembangunannya. Hanya setelah melalui peringkat permulaan yang perlahan selama lima tahun, barulah Cagamas berjaya memantapkan kedudukannya di dalam pasaran.

### **(a) Peringkat Permulaan (1987 – 1991)**

Apabila Cagamas mula beroperasi dalam bulan Oktober 1987, ia cuma membeli satu produk sahaja, iaitu pinjaman perumahan berdasarkan kadar tetap untuk tempoh selama 5 tahun. Cagamas kemudiannya membeli pinjaman-pinjaman perumahan daripada Kerajaan Malaysia pada tahun 1988. Cagamas juga telah melanjutkan pembelian berkadar tetap untuk tempoh 3 dan 7 tahun pada tahun 1989 dan 1990. Lima tahun pertama ini dapat digambarkan dengan jumlah pembelian pinjaman perumahan yang rendah oleh Cagamas. Ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Institusi kewangan masih belum biasa dengan operasi Cagamas dan manfaat yang boleh diperolehi dengan menjual pinjaman-pinjaman perumahan mereka kepada Cagamas; dan
- (ii) Cagamas hanya membuat pembelian yang berdasarkan kadar tetap. Oleh kerana itu, institusi kewangan tidak bersedia untuk menjual pinjaman-pinjaman mereka, terutamanya pada tahun 1991 semasa kadar faedah menurun secara mendadak.

Pinjaman perumahan belum lunas Cagamas pada akhir bulan Disember 1991 hanya berjumlah sebanyak RM2 bilion.

### **(b) Peringkat Kemajuan dan Pembangunan (1992 - hari ini)**

Peringkat kemajuan ini yang bermula pada tahun 1992 digambarkan oleh pemasaran produk-produk Cagamas secara aktif kepada institusi kewangan dan inovasi produk-produk baru bagi memenuhi kehendak pasaran. Cagamas telah memperkenalkan pembelian berdasarkan kadar terapung pada tahun 1992 sebagai tindak balas kepada aliran kadar faedah yang menurun secara berterusan. Cagamas kemudiannya memperkenalkan pembelian berdasarkan kadar boleh tukar pada tahun 1993 di mana para penjual diberi pilihan untuk menukar daripada kadar tetap kepada kadar terapung atau sebaliknya pada pertengahan tempoh pembelian. Di samping itu, Cagamas juga mula memperluaskan dasar bagi para pelanggannya dengan membeli pinjaman-pinjaman perumahan daripada perbadanan terpilih pada tahun 1994, selain daripada institusi kewangan dan Kerajaan.

Daripada pembelian pinjaman-pinjaman perumahan sebagai produk permulaannya, Syarikat telah memperbanyakkan lagi rangkaian produk-produknya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**  
**Rangkaian Produk-produk Cagamas (1992 - hari ini)**

Tahun Diperkenalkan	Produk	Tujuan
	<b>Pembelian dengan Hak Tuntut Balik:</b>	
1994	Hutang pembiayaan rumah secara Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyediakan mudah tunai kepada institusi-institusi Islam</li> <li>menggalakkan penerbitan lebih banyak hutang pembiayaan rumah secara Islam</li> </ul>
1996	Pinjaman harta perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> <li>menggalakkan pembangunan sektor perindustrian, terutamanya syarikat-syarikat kecil dan sederhana</li> <li>menyediakan laluan tambahan kepada institusi kewangan untuk mengunci kedudukan pendanaan mereka bagi melindung nilai pinjaman-pinjaman berkadar tetap mereka</li> </ul>
1998	Hutang sewa beli dan pemajakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyediakan sumber bagi pinjaman jangka sederhana yang amat diperlukan oleh syarikat kewangan semasa krisis ekonomi 1997-98</li> <li>bertindak sebagai mekanisme pelindung nilai bagi hutang-hutang berkenaan yang diterbitkan berdasarkan kadar tetap</li> <li>membolehkan syarikat kewangan menurunkan faedah yang dikenakan kepada para pelanggan mereka</li> <li>mengurangkan masalah ketidakpadanan pendanaan dan menyediakan laluan kepada syarikat kewangan untuk meminimumkan risiko kadar faedah mereka</li> </ul>
2002	Hutang sewa beli secara Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyediakan institusi-institusi Islam dengan laluan untuk memperolehi dana berkadar tetap pada kos yang rendah bagi melindung nilai aset berkadar tetap mereka</li> </ul>
2003	Terimaan kad kredit	<ul style="list-style-type: none"> <li>menyediakan mudah tunai kepada institusi kewangan yang menerbitkan terimaan kad kredit</li> <li>membolehkan institusi kewangan mempelbagaikan sumber dana mereka</li> </ul>
	<b>Pembelian Tanpa Hak Tuntut Balik:</b>	
1999	Pinjaman perumahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>diperkenalkan selaras dengan tujuan kepada pensurkitian bersandarkan aset</li> <li>meningkatkan nisbah kecukupan modal berwajaran risiko institusi kewangan memandangkan Cagamas akan menanggung risiko kredit ke atas pinjaman perumahan yang dijual kepadanya untuk baki hayat pinjaman tersebut</li> </ul>

## Kesimpulan

Malaysia merupakan negara pertama di rantau ini dan salah satu daripada yang terawal di kalangan ekonomi-ekonomi membangun yang menubuhkan pasaran gadai janji sekunder. Pada waktu pasaran tersebut ditubuhkan, komuniti perniagaan dan kewangan di Malaysia tidak begitu biasa dengan konsep pasaran gadai janji sekunder dan pasaran bon pula kurang membangun. Hari ini, Cagamas telah meletakkan asas dan rangka kerja bagi lain-lain institusi untuk membangunkan pasaran gadai janji dengan lebih lanjut dan mempertingkatkan pasaran sekuriti hutang swasta. Kejayaannya pada hari ini telah diiktiraf oleh lain-lain negara seperti Indonesia, Thailand, Kazakhstan, Ghana dan Jordan, selain daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia.

Permintaan bagi perumahan akan terus meningkat dengan peningkatan dalam tahap pendapatan dan pembandaran yang pesat. Oleh itu, ketersediaan pembiayaan perumahan pada kadar gadai janji yang berpatutan akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan kemampuan bagi pemilikan rumah. Selaras dengan misinya untuk menggalakkan pemilikan rumah, Cagamas akan terus memperhalus, mengubah suai dan memperkenalkan produk-produk baru bagi memenuhi cabaran-cabaran untuk memastikan terdapatnya laluan yang mudah kepada kemudahan bagi pinjaman perumahan pada kos yang mampu dibayar oleh para peminjam. Di samping itu, Syarikat juga akan terus memperhalus dan mempertingkatkan produk-produk bukan pinjaman perumahannya yang sedia ada bagi memenuhi kehendak para pelanggannya.



Syarikat telah mencatatkan rekod bagi pembelian pinjaman perumahan dan hutang sewa beli dan pemajakan dalam tahun 2002 dan ini merupakan jumlah terbesar yang pernah dibeli dalam satu-satu tahun.

# Operasi

## Aktiviti Pembelian

Syarikat telah mencatatkan rekod bagi pembelian pinjaman perumahan dan hutang sewa beli dan pemajakan dengan jumlah tertinggi sebanyak RM10,992 juta dalam tahun 2002. Ini merupakan peningkatan sebanyak 50.1% berbanding dengan RM7,321 juta pinjaman perumahan, hutang sewa beli dan pemajakan dan pinjaman harta perindustrian (dikenali sebagai pinjaman dan hutang) yang telah dibeli dalam tahun 2001, dan merupakan jumlah terbesar yang pernah dibeli dalam satu-satu tahun. Rekod pembelian dalam tahun 2002 ini telah dicapai walaupun terdapat lebihan kecairan di dalam sistem perbankan dan kadar faedah yang rendah. Ini mencerminkan kejayaan usaha bersepada yang diambil bagi memasarkan kemudahan Syarikat.

Institusi kewangan, terutamanya syarikat kewangan, telah mengambil kesempatan daripada kadar tetap Cagamas yang rendah bagi melindung nilai portfolio berkadar tetap mereka. Ini menyebabkan peningkatan yang ketara sebanyak 75.3% di dalam pembelian hutang sewa beli dan pemajakan dari RM3,940 juta dalam tahun 2001 ke RM6,907 juta dalam tahun 2002. Pembelian pinjaman perumahan telah meningkat sebanyak 22.0% dari RM3,349 juta dalam tahun 2001 ke RM4,085 juta dalam tahun 2002. Seperti pada tahun sebelumnya, institusi kewangan terus mengambil kesempatan daripada kadar Cagamas yang rendah dengan mengikat pembiayaan mereka untuk tempoh yang lebih panjang. Daripada keseluruhan jumlah pembelian, 74.8% atau RM8,225 juta adalah untuk tempoh yang lebih panjang antara empat hingga 10 tahun berbanding dengan 59.6% dalam tahun 2001.

Syarikat telah membuat pembelian sulung bagi hutang sewa beli secara Islam sebanyak RM500 juta dalam bulan April 2002 selepas skim pembelian hutang sewa

beli secara Islam diperkenalkan dalam bulan Disember 2001. Di samping itu, Syarikat juga telah membeli RM110 juta hutang pembiayaan rumah secara Islam untuk tempoh di antara lima hingga tujuh tahun. Aset secara Islam sebanyak RM610 juta yang telah dibeli oleh Cagamas dalam tahun 2002 merupakan jumlah terbesar bagi pembelian aset secara Islam semenjak Cagamas memperkenalkan produk secara Islamnya dalam tahun 1994.

Jadual 2 menunjukkan pembelian pinjaman perumahan konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang dibeli oleh Syarikat daripada institusi kewangan dalam tahun 2002 mengikut agihan geografi. Hampir tiga per empat daripada bilangan dan nilai pinjaman perumahan konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang dibeli daripada institusi kewangan telah diterbitkan di Kuala Lumpur, Johor, Selangor dan Penang.

Sepanjang tahun di dalam tinjauan, sejumlah RM4,196 juta pinjaman dan hutang telah dibeli balik oleh institusi kewangan dan perbadanan terpilih. Daripada jumlah tersebut, RM3,711 juta pula merupakan pinjaman perumahan dan pinjaman harta perindustrian manakala RM485 juta terdiri daripada hutang sewa beli dan pemajakan. Mengikut syarat bagi penjualan pinjaman dan hutang, institusi yang menjual dikehendaki membeli balik pinjaman dan hutang di dalam portfolio Cagamas sekiranya pinjaman dan hutang berkenaan telah ditebus oleh para peminjam atau didapati tidak lagi menepati syarat kelayakan untuk terus dijual kepada Cagamas. Di samping itu, institusi yang menjual juga dikehendaki membeli balik pinjaman dan hutang yang telah dijual kepada Cagamas pada tarikh kajian semula harga sekiranya mereka tidak bersetuju dengan harga baru yang ditawarkan oleh Cagamas untuk menyambung semula kontrak pembelian tersebut.

**Jadual 2**  
**Pembelian Pinjaman Perumahan Konvensional dan Hutang Pembiayaan Rumah Secara Islam Mengikut Agihan Geografi**

Negeri	Nilai Belian RM juta	%	Bilangan Pinjaman	%
Kuala Lumpur	1,753	45.5	22,334	38.1
Johor	701	18.2	10,794	18.4
Selangor	431	11.2	6,572	11.3
Penang	186	4.8	3,870	6.6
Kedah	184	4.8	3,909	6.7
Negeri Sembilan	119	3.1	2,050	3.5
Perlis	109	2.8	2,860	4.9
Melaka	94	2.4	1,519	2.6
Sarawak	77	2.0	1,005	1.7
Perak	76	2.0	1,704	2.9
Sabah	53	1.4	658	1.1
Pahang	38	1.0	778	1.3
Kelantan	18	0.5	296	0.5
Terengganu	11	0.3	243	0.4
Labuan	0	0.0	1	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>3,850</b>	<b>100.0</b>	<b>58,593</b>	<b>100.0</b>

**Jadual 3**  
**Pembelian Pinjaman dan Hutang**

	2002		2001	
	RM juta	%	RM juta	%
<b>Jenis Pinjaman</b>				
• Pinjaman Perumahan	<b>4,085</b>	<b>37.2</b>	<b>3,349</b>	<b>45.8</b>
– Konvensional-Utama	1,645	15.0	381	5.2
– Konvensional-Biasa	2,330	21.2	2,968	40.6
– Secara Islam	110	1.0	–	–
• Hutang Sewa Beli dan Pemajakan	<b>6,907</b>	<b>62.8</b>	<b>3,940</b>	<b>53.8</b>
– Konvensional	6,407	58.3	3,940	53.8
– Secara Islam	500	4.5	–	–
• Pinjaman Harta Perindustrian	–	–	<b>32</b>	<b>0.4</b>
<b>Penjual</b>				
• Bank Perdagangan	2,839	25.9	3,125	42.7
• Syarikat Kewangan	7,853	71.4	4,066	55.5
• Bank Saudagar	65	0.6	130	1.8
• Kerajaan	–	–	–	–
• Perbadanan	235	2.1	–	–
<b>Jenis Opsyen</b>				
• Pada Kadar Tetap	10,792	98.2	7,032	96.1
• Pada Kadar Terapung	100	0.9	289	3.9
• Pada Kadar Boleh Tukar	100	0.9	–	–
<b>Jumlah</b>	<b>10,992</b>	<b>100.0</b>	<b>7,321</b>	<b>100.0</b>

Penganalisisan ke atas Jadual 3 menunjukkan bahawa:

- (a) Hutang sewa beli dan pemajakan (termasuk hutang sewa beli secara Islam) yang dibeli dari syarikat kewangan meningkat sebanyak 75.3% dari RM3,940 juta dalam tahun 2001 ke RM6,907 juta dalam tahun 2002. Oleh itu, jumlah hutang sewa beli dan pemajakan (termasuk hutang sewa beli secara Islam) merupakan 62.8% daripada jumlah pembelian dalam tahun 2002 berbanding dengan 53.8% dalam tahun 2001. Pembelian pinjaman perumahan (termasuk hutang pembiayaan rumah secara Islam) meningkat sebanyak 22.0% dari RM3,349 juta dalam tahun 2001 ke RM4,085 juta dalam tahun 2002.
- (b) Semenjak skim hutang sewa beli dan pemajakan diperkenalkan dalam tahun 1998, arah aliran bagi pembelian tahunan Syarikat daripada syarikat kewangan menaik berbanding dengan bank perdagangan. Pembelian daripada syarikat kewangan meningkat dari 55.5% dalam tahun 2001 ke 71.4% dalam tahun 2002, manakala pembelian daripada bank perdagangan menurun dari 42.7% dalam tahun 2001 ke 25.9% dalam tahun 2002.
- (c) Sejumlah RM610 juta daripada hutang secara Islam yang dibeli dari institusi perbankan Islam terdiri daripada RM500 juta hutang sewa beli secara Islam dan RM110 juta hutang pembiayaan rumah secara Islam.
- (d) Bank saudagar menjual RM65 juta pinjaman di bawah perjanjian membabitkan pihak ketiga.

- (e) Sepanjang tahun 2002, sebuah perbadanan menjual sebanyak RM235 juta pinjaman perumahan kakitangan mereka kepada Cagamas untuk tempoh di antara tiga hingga 10 tahun.
- (f) Sebanyak 98.2% daripada pinjaman dan hutang telah dibeli berdasarkan kadar tetap berbanding 96.1% pada tahun sebelumnya.

#### Portfolio Belum Lunas

Pada 31 Disember 2002, jumlah pinjaman dan hutang belum lunas di dalam pegangan Cagamas adalah sebanyak RM26,033 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 16.9% ke atas pinjaman dan hutang belum lunas pada akhir tahun 2001. Sebahagian daripada RM10,992 juta pembelian tertinggi yang dicatatkan bagi pinjaman dan hutang pada sepanjang tahun 2002 diimbangi oleh pembelian balik sebanyak RM4,196 juta dan pembayaran balik sebanyak RM3,029 juta. Pada 31 Disember 2002, sebahagian besar daripada pinjaman dan hutang belum lunas merangkumi pinjaman perumahan konvensional (RM14,579 juta atau 56.0%), hutang sewa beli dan pemajakan konvensional (RM10,513 juta atau 40.4%), hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam (RM703 juta atau 2.7%) dan pinjaman harta perindustrian (RM238 juta atau 0.9%).

Jadual 4 menunjukkan komposisi pinjaman dan hutang belum lunas di dalam pegangan Syarikat pada 31 Disember 2002.

**Jadual 4**  
**Portfolio Pinjaman dan Hutang Belum Lunas**

<b>Jenis</b>	<b>Pada 31 Disember 2002</b>		<b>Pada 31 Disember 2001</b>	
	<b>RM juta</b>	<b>%</b>	<b>RM juta</b>	<b>%</b>
Pinjaman Perumahan	<b>14,823</b>	<b>56.9</b>	<b>15,452</b>	<b>69.4</b>
- Konvensional	14,579	56.0	15,309	68.8
- Secara Islam	244	0.9	143	0.6
Hutang Sewa Beli dan Pemajakan	<b>10,972</b>	<b>42.2</b>	<b>6,437</b>	<b>28.9</b>
- Konvensional	10,513	40.4	6,437	28.9
- Secara Islam	459	1.8	-	-
Pinjaman Harta Perindustrian	<b>238</b>	<b>0.9</b>	<b>377</b>	<b>1.7</b>
<b>Jumlah</b>	<b>26,033</b>	<b>100.0</b>	<b>22,266</b>	<b>100.0</b>

**Inisiatif dalam Tahun 2002**

Syarikat akan terus mempelbagaikan para pelanggannya dengan menceburi peluang perniagaan baru dengan institusi kewangan pembangunan (IKP) yang telah berada di bawah penyeliaan terus Bank Negara Malaysia semenjak 15 Februari 2002. Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperolehi dalam setengah tahun kedua tahun 2002 untuk membeli hutang pembiayaan rumah secara Islam daripada sebuah IKP. Syarikat juga telah mempelbagaikan produknya dengan memperkenalkan skim pembelian terimaan kad kredit di dalam bulan Januari 2003 untuk memenuhi permintaan institusi kewangan.

**Kadar Cagamas**

Cagamas berupaya membiayai operasinya pada kadar bon yang agak stabil dan rendah semasa sebahagian besar daripada tahun 2002. Kadar Tetap

Cagamas telah berubah sebanyak 17 kali pada keseluruhannya sepanjang Januari hingga Disember 2002, berbanding dengan perubahan sebanyak 12 kali dalam tahun 2001.

Jadual 5 menunjukkan perubahan yang dibuat kepada Kadar Tetap Cagamas 3 Tahun ukur rujuk.

Kadar Cagamas Utama 3 Tahun adalah tertinggi dalam bulan Januari 2002 apabila iaanya dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 4.30% setahun sebagai tindak balas terhadap pengukuhan dalam kadar hasil bon di dalam pasaran sekunder. Semenjak itu, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah menurun secara beransur-ansur kepada 3.30% setahun mulai dari 3 Disember 2002, selaras dengan penurunan dalam kadar hasil sekuriti hutang Cagamas.

**Jadual 5**  
**Kadar Tetap Cagamas 3 Tahun untuk Pembelian dengan Hak Tuntut Balik**

<b>Tarikh Berkuat Kuasa</b>	<b>Kadar Utama % setahun</b>	<b>Kadar Biasa % setahun</b>
10 Disember 2001	3.65	3.70
12 Januari 2002	4.00	4.05
17 Januari 2002	4.00	4.05
26 Januari 2002	4.30	4.35
4 Februari 2002	4.00	4.05
21 Februari 2002	3.90	3.95
20 Mac 2002	3.90	3.95
1 April 2002	3.90	3.95
21 Mei 2002	3.80	3.85
3 Jun 2002	3.70	3.75
19 Jun 2002	3.60	3.65
3 Julai 2002	3.55	3.60
18 Julai 2002	3.45	3.50
5 September 2002	3.45	3.50
1 Oktober 2002	3.40	3.45
16 Oktober 2002	3.40	3.45
20 November 2002	3.35	3.40
3 Disember 2002	3.30	3.35

# Terimaan Kad Kredit Dengan Hak Tuntut Balik

## Perihal Skim

Cagamas telah memperkenalkan di dalam bulan Januari 2003 skim bagi pembelian terimaan kad kredit dari institusi kewangan dengan hak tuntut balik.

Di bawah skim tersebut, Cagamas akan membeli terimaan kad kredit dari akaun-akaun yang layak. Institusi kewangan yang menerbitkan akaun-akaun ini akan terus mengawal dan memiliki akaun-akaun tersebut dengan sepenuhnya bagi membolehkan mereka menukar syarat-syarat perjanjian kad kredit berkenaan sekiranya perlu.

Terimaan kad kredit dibeli pada kadar tetap untuk tempoh kajian semula harga di antara tiga hingga lima tahun. Harga pembelian adalah berdasarkan nilai buku terimaan tersebut setelah ditolak caj kewangan dan lain-lain caj yang ditanggung.

Institusi kewangan akan terus mentadbir terimaan yang telah dijual bagi pihak Cagamas, termasuklah kutipan terimaan belum lunas dan mengambil tindakan susulan terhadap akaun-akaun yang tidak membayar. Terimaan kad kredit yang tidak lagi layak untuk dijual akan dibeli balik dan terimaan yang setara dengannya daripada akaun-akaun baru akan ditawarkan untuk dijual kepada Cagamas bagi menggantikan terimaan yang telah dibeli balik dari masa ke semasa.

Institusi kewangan akan membayar kepada Cagamas pada setiap bulan sehingga tarikh kajian semula harga ansuran Cagamas yang hanya terdiri daripada faedah. Pada akhir tarikh kajian semula harga, institusi kewangan mempunyai pilihan sama ada untuk menyambung kontrak berkenaan untuk tempoh kajian semula selanjutnya pada kadar Cagamas semasa atau membeli balik terimaan kad kredit yang telah dijual kepada Cagamas.

## Ciri-Ciri Utama Skim Berkenaan

- Institusi kewangan dikehendaki menambah secara automatik terimaan baru daripada akaun-akaun terbabit atau daripada akaun yang baru dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan memandangkan akaun kad kredit bersifat pusingan. Ini bagi memastikan pokok yang belum lunas daripada terimaan kad kredit yang dijual kepada Cagamas kekal pada nilai pembelian di sepanjang tempoh kontrak.
- Institusi kewangan akan menyimpan semua pembayaran, termasuk pokok dan faedah yang dibuat oleh para pelanggan mereka di dalam satu

akaun kutipan yang dipegang secara amanah untuk Cagamas.

- Kutipan pokok bulanan daripada akaun-akaun terbabit tidak akan diserahkan kepada Cagamas, tetapi akan digunakan untuk membeli terimaan baru sehingga tarikh kajian semula harga.

## Kriteria Kelayakan bagi Akaun-Akaun Kad Kredit

Cagamas membeli terimaan yang dihasilkan hanya daripada akaun kad kredit yang layak sahaja. Untuk layak, akaun-akaun tersebut hendaklah:-

- mempunyai kaitan dengan terimaan berhubung dengan penggunaan kad kredit atau kad caj.
- digunakan sekurang-kurangnya 12 bulan.
- tidak berbayar tidak lebih dari 60 hari daripada tarikh matang semasa dijual.
- tidak ditutup, ditamat atau hapus kira.
- tidak diserah hak, dicagar atau dijual kepada pihak-pihak lain.
- memenuhi kriteria lain yang dinyatakan di dalam Panduan Terimaan Kad Kredit Cagamas.



## Tatacara Berperaturan

- Hasil daripada jualan terimaan kad kredit adalah tertakluk kepada keperluan rizab berkanun.
- Sekuriti hutang tidak bercagar yang diterbitkan oleh Cagamas untuk membiayai pembelian terimaan kad kredit diberi status berikut:
  - Status aset kecairan Kelas 1;
  - 10% risiko berwajaran di bawah rangka kerja Keperluan Modal Berwajaran Risiko;
  - Status aset berisiko rendah untuk syarikat-syarikat insurans.

## Faedah-faedah Skim Berkenaan kepada Institusi Kewangan

- Terimaan kad kredit yang tidak mudah tunai akan bertukar menjadi aset mudah tunai kerana terimaan tersebut boleh dijual kepada Cagamas.
- Dana pada kos yang rendah yang diperolehi dari Cagamas boleh digunakan untuk menurunkan purata berwajaran kos dana institusi kewangan.
- Institusi kewangan mungkin dapat mempelbagaikan sumber-sumber pembiayaannya.
- Penjualan terimaan kad kredit kepada Cagamas adalah dikecualikan dari cukai setem ad valorem, yang memberi penjimatan yang besar kepada penjual.

**Carta 3**  
**Pembelian Terimaan Kad Kredit Dengan Hak Tuntut Balik**





Cagamas telah menerbitkan jumlah terbesar bon berkadar tetap dalam tahun 2002 bagi membiayai pembelian konvensionalnya dan juga rekod terbesar Sanadat Mudharabah Cagamas bagi membiayai pembelian hutang secara Islamnya.

# Sekuriti Hutang Cagamas

## Terbitan Sekuriti Hutang Cagamas

Cagamas mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif dalam tahun 2002. Terdapat sebanyak RM22,595 juta bon Cagamas belum tebus pada akhir tahun 2002 dan ini merupakan 16.5% daripada sekuriti hutang swasta belum tebus.

Sepanjang tahun 2002, sejumlah 37 terbitan sekuriti hutang dengan nilai nominal RM19,550 juta (termasuk empat pembukaan semula) telah dibuat berbanding dengan 44 terbitan berjumlah RM17,400 juta dalam tahun 2001. 18 daripada jumlah terbitan tersebut, yang melibatkan nilai muka sebanyak RM10,015 juta, adalah dalam bentuk nota diskaun Cagamas jangka pendek dengan tempoh matang sehingga 12 bulan. Ini merupakan 51.2% daripada jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan dalam tahun 2002. Bakinya pula terdiri daripada 16 terbitan bon berkadar tetap berjumlah RM8,925 juta dan tiga terbitan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) bernilai RM610 juta, masing-masing mewakili 45.7% dan 3.1% daripada jumlah sekuriti hutang baru yang diterbitkan pada sepanjang tahun 2002.

Kesemua terbitan baru sekuriti hutang Cagamas dalam tahun 2002 telah ditawarkan melalui tender di kalangan Peniaga Utama. Peniaga Utama telah mengemukakan bida berjumlah RM45,991 juta yang mewakili kadar purata berwajaran lebih lanjut sebanyak 2.56 kali berbanding jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan. Pada sepanjang tahun 2002, Cagamas telah membuka semula empat bon berkadar tetapnya yang sedia ada berjumlah RM1,365 juta dengan baki tempoh matang di antara tiga hingga lima tahun. Pembukaan semula ini telah membolehkan Syarikat memperbesarkan saiz terbitannya yang sedia ada, seterusnya mempertingkatkan mudah tunai bagi sekuriti hutang Cagamas di dalam pasaran sekunder. Cagamas telah menerbitkan jumlah terbesar bon berkadar tetap dalam satu-satu tahun berjumlah RM8,925 juta dalam tahun 2002. Cagamas juga telah menerbitkan jumlah terbesar SMC sebanyak RM610 juta bagi membiayai pembelian hutang secara Islamnya.

## Penebusan Sekuriti Hutang Cagamas

Sejumlah RM16,117 juta sekuriti hutang Cagamas yang matang telah ditebus dalam tahun 2002, terdiri daripada RM5,367 juta bon berkadar tetap dan RM10,750 juta nota diskaun jangka pendek, berbanding dengan jumlah penebusan sebanyak RM17,342 juta pada tahun sebelumnya.

## Sekuriti Hutang Cagamas Belum Tebus

Nilai nominal sekuriti hutang Cagamas belum tebus pada 31 Disember 2002 adalah sebanyak RM24,970 juta, berbanding dengan RM21,537 juta pada akhir tahun 2001. Ini merupakan sekuriti hutang Cagamas belum tebus yang terbesar di dalam sesuatu tahun. Bon berkadar tetap berjumlah RM21,841 juta atau 87.5% merupakan bahagian terbesar daripada jumlah sekuriti hutang belum tebus. Ini diikuti oleh nota diskaun jangka pendek yang menyumbang sebanyak RM2,375 juta atau 9.5%. Bakinya sebanyak RM754 juta atau 3.0% pula terdiri daripada SMC.

## Urus Niaga Pasaran


Pada sepanjang tahun 2002, jumlah dagangan pasaran sekunder sekuriti hutang Cagamas meningkat sebanyak 21.9% dari RM35.2 bilion dalam tahun 2001 ke RM42.9 bilion. Pasaran sekunder sekuriti hutang Cagamas agak sederhana di dalam suku pertama tahun 2002 dengan jumlah dagangan sebanyak RM10.2 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan dalam suku kedua telah melonjak sebanyak 41.2% ke RM14.4 bilion disebabkan terbitan sekuriti hutang Cagamas yang lebih besar sebanyak RM6.6 bilion. Jumlah dagangan sekuriti hutang Cagamas menurun sebanyak 31.3% ke RM9.9 bilion di dalam suku ketiga kerana para pelabur mengalihkan pelaburan mereka daripada sekuriti hutang swasta kepada sekuriti Kerajaan. Di dalam suku terakhir 2002, sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan di dalam pasaran sekunder terus menurun sebanyak 15.2% ke RM8.4 bilion disebabkan oleh terbitan sekuriti hutang Cagamas yang lebih kecil sebanyak RM2.5 bilion.

Di antara instrumen hutang utama yang didagangkan di dalam pasaran sekunder yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Bil Perbendaharaan, Instrumen Simpanan Boleh Niaga, Penerimaan Jurubank dan Bil Negara Malaysia, sekuriti hutang Cagamas menyumbang sebanyak 9.7% daripada jumlah urus niaga di dalam pasaran sekunder dalam tahun 2002, berbanding dengan 9.1% dalam tahun 2001.

## Kadar Hasil bagi Sekuriti Hutang Cagamas

Kadar hasil bagi sekuriti hutang 3 tahun Cagamas menurun secara berterusan dalam tahun 2002 akibat penurunan dalam arah aliran bagi kadar hasil dalam tahun 2001. Penurunan ini adalah disebabkan oleh tanggapan pasaran tentang kemungkinan berlakunya penurunan lanjut dalam kadar faedah, lebihan yang berterusan bagi mudah tunai di dalam pasaran dan pengalihan pelaburan dari ekuiti ke bon. Pada permulaan suku pertama tahun 2002, kadar hasil bon Cagamas 3 tahun telah meningkat sebanyak 50 mata asas sehingga mencapai tahap tertinggi pada 3.72%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penjualan mendadak bagi sekuriti Kerajaan akibat daripada pengurangan dalam keperluan pegangan bagi aset berisiko rendah oleh syarikat-syarikat insurans. Walau bagaimanapun, anggapan umum bahawa polisi kadar faedah yang rendah akan terus dikekalkan telah menyebabkan kadar hasil menurun sebelum ianya stabil pada tahap 3.51% pada penghujung suku tahun pertama. Kadar hasil telah menurun secara mendadak sebanyak 26 mata asas pada suku kedua dari 3.51% ke 3.25% akibat ketidaktentuan di dalam pasaran ekuiti yang menyebabkan peralihan pelaburan dari pasaran ekuiti ke pasaran bon. Kadar hasil terus menurun sebanyak 10 mata asas dalam suku ketiga dari 3.25% ke 3.15% disebabkan oleh prestasi pasaran ekuiti yang semakin merosot di samping terbitan SKM yang lebih kecil dari yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, pada suku keempat, kadar hasil bon Cagamas 3 tahun telah stabil di antara 3.09% ke 3.10%.

**Carta 4**  
**Perbezaan Kadar Hasil di antara Bon Cagamas dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 Tahun**



Pada sepanjang tahun 2002, perbezaan kadar hasil di antara bon Cagamas dengan SKM di dalam pasaran sekunder adalah di antara 5 hingga 22 mata asas, seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 4. Perbezaan kadar hasil adalah tidak menentu dalam suku pertama berbanding dengan perbezaan kadar hasil dalam tahun 2001. Ianya mencapai tahap tertinggi sebanyak 22 mata asas sebelum stabil pada 17 mata asas. Ini adalah disebabkan oleh ketidaktentuan tentang kesan pengurangan dalam keperluan pegangan bagi aset berisiko rendah oleh syarikat-syarikat insurans dari 20.0% ke 10.0%. Perbezaan kadar hasil adalah di antara 11 hingga 17 mata asas disebabkan oleh pasaran ekuiti yang suram pada suku kedua. Perbezaan ini menurun kepada 7 mata asas pada suku ketiga disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk sekuriti mudah tunai yang bermutu tinggi seperti sekuriti hutang Cagamas akibat daripada terbitan SKM yang lebih kecil dari yang dijangkakan dalam tempoh yang sama. Perbezaan di antara bon Cagamas dengan SKM menurun lagi kepada 5 mata asas pada suku keempat disebabkan oleh kurangnya terbitan SKM dalam tempoh yang sama.

#### Pemegang Sekuriti Hutang Cagamas

Pemegang sekuriti hutang Cagamas pada akhir Disember 2002 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi perbankan telah meningkat dari 50.3% daripada jumlah keseluruhan pada akhir 2001 ke 50.8% pada akhir Disember 2002. Sebaliknya, pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi bukan perbankan telah menurun dari 49.7% dalam tahun 2001 ke 49.2% pada 31 Disember 2002. Walau bagaimanapun, pegangan sekuriti hutang Cagamas oleh kumpulan wang pence dan simpanan telah meningkat dari 25.3% daripada jumlah pemegangan pada akhir Disember 2001 ke 35.7% pada akhir Disember 2002. Ini menunjukkan peningkatan permintaan terhadap sekuriti pelaburan berkualiti tinggi oleh kumpulan wang pence dan simpanan.

#### Pandangan Keseluruhan

Cagamas masih terus menerima permintaan yang tinggi untuk terbitannya di dalam pasaran primer dalam tahun 2002. Ini dapat dilihat daripada kadar purata berwajarnan lebih lanjut sebanyak 1.94 dan 3.33 kali masing-masing untuk nota dan bon Cagamas. Perbezaan kadar hasil di antara bon Cagamas dengan SKM yang mengecil dengan banyaknya pada sepanjang tahun 2002 telah membolehkan Syarikat meneruskan peranannya dalam menyalurkan dana pada kos yang rendah kepada institusi kewangan.

**Jadual 6**  
**Taburan Pemegang Sekuriti Hutang Cagamas**

Pemegang	2002		2001	
	RM juta	%	RM juta	%
Institusi Perbankan	12,697	50.8	10,828	50.3
Syarikat Insurans	2,172	8.7	2,596	12.1
Kumpulan Wang Pence dan Simpanan	8,902	35.7	5,457	25.3
Pelabur-pelabur lain	1,199	4.8	2,656	12.3
<b>Jumlah</b>	<b>24,970</b>	<b>100.0</b>	<b>21,537</b>	<b>100.0</b>

# Pelan Kesinambungan Perniagaan

## Pendahuluan

Cagamas telah melaksanakan Pelan Kesinambungan Perniagaan (PKP) dalam tahun 2002 bagi meminimumkan kesan dari gangguan bencana dalaman dan luaran yang mungkin berlaku terhadap operasi Syarikat. Sehubungan dengan itu, Syarikat telah merumuskan satu pelan menyeluruh yang merangkumi kesemua tindakan yang bakal diambil sebelum, semasa dan selepas sesuatu bencana. Ini akan dapat dicapai oleh Syarikat melalui usaha bersepakut dari semua pihak. Ini termasuklah:

- Persediaan awal dan kawalan-kawalan pencegahan;
- Pengesanan awal dan prosedur bagi pengurangan kesan;
- Peraturan dan komunikasi yang berkesan;
- Prosedur pemulihan operasi perniagaan dan pengurangan masa pemberhentian operasi;
- Operasi khas Prosedur Luar Jangka dan Tindakan Pemulihan (PLTP) yang khusus bagi proses yang penting;
- Pengerahan sumber tenaga manusia dan maklumat; dan
- Berusaha untuk memulihkan sepenuhnya keupayaan pemprosesan dengan secepat mungkin.

## Skop PKP

PKP ini yang menggabungkan PLTP telah dirangka untuk mengurus risiko Syarikat berdasarkan Penilaian

Risiko Perniagaan setiap jabatan dan Cagamas pada keseluruhannya. Ini melibatkan bahagian yang penting seperti berikut:

- Proses perniagaan yang penting;
- Sistem dan infrastruktur yang berkaitan dengan teknologi maklumat yang digunakan; dan
- Pergantungan kepada kemudahan, utiliti serta pihak luaran.

## Situasi Bencana


Syarikat mungkin akan mengisyiharkan sesuatu bencana di bawah keadaan-keadaan berikut:

- Gangguan bekalan kuasa yang berpanjangan di premis Cagamas;
- Kerosakan komunikasi yang berpanjangan pada sistem hos;
- Kegagalan perkakasan atau kesukaran mendapatkan peralatan lain; dan
- Kebakaran, banjir dan lain-lain bencana alam yang melibatkan premis Cagamas.

## Pasukan-pasukan Pemulihan Perniagaan

Pelbagai Pasukan Pemulihan Perniagaan akan diaktifkan apabila berlakunya sesuatu bencana. Carta Organisasi untuk Pemulihan Perniagaan adalah seperti yang tertera di bawah ini:

## Organisasi Pemulihan Perniagaan



Pelbagai pasukan yang akan diaktifkan untuk menyeferakan proses pemulihan perniagaan adalah seperti berikut:

**(a) Pasukan Pengurusan Kecemasan (PPK)**

Bencana hanya boleh disah dan diisytiharkan oleh PPK. Tugas-tugas utama PPK adalah:

- (i) untuk mengkaji takat kesan kepada perniagaan akibat daripada kerosakan terhadap operasi Syarikat, termasuk kemudahan komputer;
- (ii) untuk mengeluarkan arahan bagi pengaktifan tapak pemulihan; dan
- (iii) untuk menyediakan saluran bagi membuat keputusan-keputusan penting semasa operasi pemulihan.

PPK akan hanya diaktifkan apabila keadaan menyebabkan operasi tidak berjalan atau kemasuhan menyeluruh terhadap premis utama perniagaan.

**(b) Penyelaras Pemulihan Perniagaan (PPP)**

PPP bertanggungjawab untuk melaksana, menyelaras dan memantau PKP apabila bencana diisytiharkan oleh PPK.

**(c) Pasukan Pemulihan Perniagaan (PP)**

PP bertanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai PLTP yang diwujudkan oleh Syarikat.

**(d) Pasukan Sokongan Tadbir (PST)**

PST bertanggungjawab untuk menyediakan pengangkutan dan tempat tinggal (jika perlu), beruruskan berkaitan hal-hal kewangan, keselamatan, perhubungan awam, insurans dan lain-lain hal korporat.

**(e) Kakitangan Cagamas**

Pada amnya, kesemua kakitangan Cagamas bertanggungjawab untuk membantu dalam pelaksanaan PKP.

### **Tapak Pemulihan Perniagaan**

Tapak Pemulihan Perniagaan akan diaktifkan apabila bencana diisytiharkan, dengan tujuan semata-mata untuk menguruskan PKP untuk Cagamas. Tapak pemulihan ini juga akan digunakan sebagai Pusat

Arahan untuk operasi perniagaan dan pemulihan. Selain daripada ruang untuk bekerja, Syarikat juga akan dapat memulihkan penggunaan sistem komputer utama untuk operasi, perbendaharaan dan pembayaran.

### **Lain-lain Bahagian PKP**

Selain daripada yang disebutkan di atas, PKP juga merangkumi bahagian-bahagian berikut:

- Aktiviti-aktiviti yang patut dilaksanakan dengan segera semasa berlakunya bencana seperti prosedur pengosongan, pengisyiharan bencana/penutupan perniagaan sepenuhnya, bersiap sedia/pengaktifan pusat pemulihan dan bersiap sedia/pengaktifan pasukan pemulihan bencana;
- Menyediakan persekitaran untuk bekerja di pusat pemulihan;
- Mendapatkan semula fail-fail dan dokumen-dokumen;
- Penyambungan semula operasi;
- Pemindahan semula ke premis Cagamas; dan
- Kembali beroperasi seperti biasa.

### **Menguji dan Mengemaskini PKP**

Semua prosedur pemulihan sistem kritikal yang disebutkan di atas akan diuji dalam tempoh berkala. PPP bertanggungjawab mengemaskini PKP dengan kerap untuk memastikan bahawa PKP berkenaan masih boleh terus diguna pakai. PKP akan terus dikemaskini selaras dengan pelaksanaan Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan operasi perniagaan Syarikat.

# Penyata Urus Tadbir Korporat

Lembaga Pengarah Cagamas adalah komited dalam memastikan Syarikat mengamalkan piawai urus tadbir korporat yang tertinggi supaya urusan Syarikat dapat dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme dengan matlamat untuk melindungi kepentingan para pemegang syer dan prestasi kewangan Syarikat.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa Syarikat telah menerima-pakai prinsip dan amalan terbaik Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) seperti berikut.

## 1. Lembaga Pengarah

### 1.1 Komposisi

Pada 31 Disember 2002, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 11 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan terpilih yang telah dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia (yang selepas ini dirujuk sebagai Persatuan).

Berdasarkan penjelasan umum Kod, kesemua Pengarah Cagamas adalah dianggap bebas kerana mereka bebas daripada pengurusan Syarikat dan tidak terlibat dalam urusan harian Syarikat. Para Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh pemegang syer utama dalam Syarikat. Tidak ada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai perbincangan Lembaga Pengarah atau mempengaruhi Lembaga Pengarah dalam proses membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah memberi pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah dapat mengarah dan mengawal Syarikat secara berkesan kerana para Pengarah mempunyai pengalaman yang berbeza dan luas di dalam sektor kewangan yang diceburi oleh Syarikat. Para Pengarah mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang pelbagai di dalam bidang perbankan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat dan pengurusan am. Cagamas telah ditubuhkan untuk menggalakkan pasaran gadai janji sekunder dan untuk memperluaskan dan mendalamkan pasaran

sekuriti hutang tempatan. Gabungan wakil-wakil dari BNM dan institusi kewangan dapat memastikan bahawa matlamat negara dan sosial Syarikat dapat dicapai dan pada masa yang sama Syarikat terus dirangsang oleh keuntungan supaya mendapat kebolehpercayaan di kalangan para pelabur dan pemegang syerna.

Lembaga Pengarah telah menghasilkan deskripsi tugas untuk Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif termasuk penugasan kuasa dan had tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi mengetuai Lembaga Pengarah dan semasa mesyuarat, mengetuai perbincangan strategi, polisi dan perjalanan operasi Syarikat sementara Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk melaksanakan segala strategi, polisi serta urusan harian Syarikat.

### 1.2 Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyelia perjalanan dan prestasi urusan Syarikat dengan mengkaji semula dan meluluskan perancangan strategik dan belanjawan tahunan Syarikat. Laporan terkini tentang operasi utama Syarikat dibentangkan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah untuk penilaian Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat penyeliaan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat. Lembaga Pengarah telah meluluskan satu Rangka Kerja Pengurusan Risiko dalam tahun ini yang membentangkan pendekatan secara menyeluruh Syarikat dalam menguruskan risiko, termasuk mengenal pasti risiko yang berkaitan, kaedah pengurusan risiko yang digunakan oleh Syarikat serta tanggungjawab dan struktur laporan oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam pengurusan risiko.

Lembaga Pengarah turut meluluskan pelantikan dan penggantian pengurusan kanan dan menilai prestasi serta menentukan ganjaran mereka berdasarkan saranan dari Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dalam menjalankan tugas dan

tanggungjawabnya dan berusaha untuk mengelak dari sebarang situasi melibatkan sengketa kepentingan dalam urus niaga yang boleh menimbulkan persoalan terhadap integriti Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan.

## 2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat kali untuk membincang pelbagai perkara termasuk prestasi Syarikat, perancangan dan isu-isu strategik lain yang mempengaruhi urusan Syarikat. Butiran terperinci tentang kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada sepanjang tahun 2002 dinyatakan di muka surat 4 dalam Laporan Tahunan ini.

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dengan agenda yang tersedia. Laporan terkini mengenai pencapaian operasi, kewangan dan perkembangan korporat akan dihantar kepada para Pengarah sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan untuk memberi mereka masa yang secukupnya untuk mengkaji perkara yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat.

Para Pengarah juga diberi kuasa untuk mendapatkan khidmat nasihat dari perunding profesional bebas dengan perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat, sama ada secara peribadi atau sebagai ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dalam menjalankan tugas mereka dan jika perlu.

Semua Pengarah boleh mendapatkan nasihat dari pengurusan kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan tatacara Lembaga Pengarah dituruti dan segala peraturan dan undang-undang dipatuhi.

## 3. Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah adalah dicalonkan oleh BNM dan Persatuan. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa jawatankuasa pencalonan untuk mencalonkan ahli Lembaga Pengarah adalah tidak perlu memandangkan pencalonan yang bebas telah diputuskan oleh BNM dan Persatuan dan tatacara yang sedia ada adalah memadai.

Penilaian tahunan bagi para Pengarah tidak dilakukan oleh Cagamas kerana para Pengarah yang mewakili Persatuan adalah Ketua Eksekutif atau Pengarah di dalam institusi kewangan dan mereka adalah di bawah penyeliaan dan penilaian berkala oleh BNM.

Mengikut Tataurusan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Tataurusan berkenaan juga menyatakan bahawa Pengarah yang baru dilantik oleh Lembaga Pengarah dalam satu-satu tahun adalah tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang yang diadakan selepas pelantikan mereka.

## 4. Latihan Pengarah

Sebahagian besar daripada para Pengarah adalah Pengarah di dalam syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan yang diakreditasi oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan diwajibkan di bawah garis panduan BSKL berkaitan dengan latihan Pengarah. Para Pengarah juga akan dimaklumkan tentang undang-undang dan peraturan baru semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.

## 5. Ganjaran Pengarah

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk setiap Pengarah berdasarkan saranan dari Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah. Penentuan tahap ganjaran Pengarah adalah berdasarkan pada peranan yang mereka mainkan dalam Lembaga Pengarah. Pengerusi berkecuali semasa perbincangan mengenai ganjaran Pengerusi diadakan.

Semakan tentang ganjaran Pengarah telah dibuat dalam tahun 2002 dan ianya tertakluk kepada kelulusan para pemegang syer, ganjaran Pengarah yang dicadangkan adalah sebanyak RM7,000 setahun untuk setiap Pengarah dan RM10,000 setahun untuk Pengerusi. Selain itu, para Pengarah juga dibayar eluan mesyuarat sebanyak RM500 untuk setiap mesyuarat yang mereka hadiri. Agregat ganjaran yang akan dibayar kepada para Pengarah adalah RM125,500, merangkumi fi Pengarah sebanyak RM90,000 dan eluan mesyuarat sebanyak RM35,500.

## **6. Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah dibantu oleh empat Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang berfungsi mengikut bidang rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah dalam semua perkara apabila ia tidak bersidang. Jawatankuasa yang lain ditugaskan untuk mengkaji isu-isu tertentu dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk meluluskan atau membentangkan kepada Lembaga Pengarah saranan mereka. Keputusan muktamad dalam semua perkara masih bergantung kepada Lembaga Pengarah.

## **7. Hubungan dengan Pelabur dan Komunikasi dengan Para Pemegang Syer**

Lembaga Pengarah menyedari tentang pentingnya komunikasi yang berkesan dan yang tepat pada masanya dengan para pemegang syer dan pelabur. Strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk-produk baru Syarikat dimaklumkan kepada para pemegang syer dan pelabur melalui Laporan Tahunan yang dihantar kepada mereka. Mesyuarat Agung Tahunan masih merupakan forum utama bagi Cagamas untuk mengadakan dialog dengan para pemegang syer. Pengurus melaporkan prestasi Syarikat di dalam mesyuarat berkenaan dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk membuat pertanyaan dan mendapat penjelasan berkenaan urusan dan prestasi Syarikat.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Pengarah kanan bukan eksekutif bebas adalah tidak perlu kerana para pemegang syer Syarikat diwakili oleh Persatuan yang mencalonkan Pengarah menjadi ahli Lembaga Pengarah dan sebarang kemosykilan para pemegang syer boleh dimaklumkan melalui Persatuan masing-masing.

Syarikat juga menerbitkan keputusan kewangan setengah tahun dan tahunannya serta menyebarkan siaran akhbar berkaitan dengan aktiviti penerbitan sekuriti hutangnya di dalam akhbar-akhbar utama dan perkhidmatan talian.

Syarikat juga mengendalikan laman web [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my) yang menyediakan maklumat terkini dan terperinci mengenai produk, kadar dan operasi Syarikat.

## **8. Keber tanggungjawapan dan Audit**

### **8.1 Pelaporan Kewangan**

Lembaga Pengarah akan cuba untuk membentang penilaian kedudukan kewangan dan prospek Syarikat yang seimbang dan mudah difahami di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan para pelabur.

Para Pengarah mengikut Akta Syarikat, 1965 dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat. Selepas perbincangan dengan Juruaudit Luar, para Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat telah menggunakan dasar perakaunan yang sewajarnya yang diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang berhemat, serta mengikuti kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai.

### **8.2 Kawalan Dalaman**

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat diterangkan di muka surat 48 dalam Laporan Tahunan ini.

### **8.3 Hubungan dengan Juruaudit**

Laporan tentang peranan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ke atas Juruaudit Dalaman dan Luar diterangkan di muka surat 45 ke 47 dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat telah memupuk satu hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Dalaman dan Luar melalui Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Juruaudit Luar Syarikat telah menghadiri dua mesyuarat pada sepanjang tahun untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2002 dan membentangkan Pelan Audit bagi tahun 2002.

Ganjaran Juruaudit dinyatakan di muka surat 111 dalam Laporan Tahunan ini.

# Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

## 1. Ahli-ahli

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Jawatankuasa) terdiri daripada:

- Dato' Tan Teong Hean (Pengerusi)
- Encik Mohamed Azmi Mahmood
- Encik Michael Andrew Hague

Berdasarkan penjelasan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa adalah merupakan Pengarah bukan eksekutif bebas memandangkan mereka tidak terbabit di dalam urusan harian dan pengurusan Syarikat. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama di dalam Syarikat. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai perbincangan Jawatankuasa atau mempengaruhi Jawatankuasa dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah adalah bebas untuk memberi pandangan masing-masing untuk pertimbangan Jawatankuasa.

## 2. Bidang Rujukan

### 2.1 Bidang Kuasa

- (a) Jawatankuasa hendaklah tidak dikenakan sebarang sekatan untuk mendapatkan kesemua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dengan Juruaudit Dalaman dan Luar dan juga dengan Pengurusan Syarikat.
- (b) Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar, dan untuk menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.
- (c) Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan semua kaktungan Syarikat untuk memberi kerjasama sekiranya perlu.

### 2.2 Saiz dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang secara majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahlinya kurang daripada tiga orang, di atas sebab-sebab tertentu Lembaga Pengarah dikehendaki mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam masa tiga bulan.
- (c) Para ahli Jawatankuasa hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang merupakan Pengarah bebas.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang dari ahli Jawatankuasa:
  - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
  - (ii) jika beliau bukan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
    - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan di dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
    - beliau mestilah merupakan ahli salah satu daripada persatuan akauntan yang dinyatakan di dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.
- (e) Tiada seorangpun ahli Jawatankuasa boleh mempunyai hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberi pendapat bebas ketika menjalankan fungsi sebagai ahli Jawatankuasa.

### 2.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa boleh menjemput sesiapa sahaja untuk hadir membantu di dalam perbincangan.
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Setiausaha Syarikat dan Ketua Juruaudit Dalaman pada kebiasaannya akan menghadiri kesemua mesyuarat. Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- (c) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (d) Ketua Juruaudit Dalaman adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa.

### 2.4 Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan bagi setengah tahun dan tahunan Syarikat sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan ianya mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasian yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
    - (i) Menyemak laporan juruaudit dan memastikan sebarang pembatasan (jika ada) dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak timbul sebarang keraguan dalam audit yang akan datang;
    - (ii) Perubahan ketara dan penyelarasian di dalam pembentangan penyata kewangan;
    - (iii) Perubahan besar di dalam polisi dan prinsip perakaunan;
    - (iv) Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
    - (v) Keadaan turun naik yang matan di dalam penyata baki;
    - (vi) Laporan kewangan interim dan pengisytiharan awal;
    - (vii) Perubahan ketara di dalam skop audit; dan
    - (viii) Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
  - (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:
    - (i) Pematuhan piawai Audit Dalaman, kawalan dalaman Syarikat, polisi dan keperluan undang-undang yang lain;
    - (ii) Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
    - (iii) Koordinasi di antara Juruaudit Dalaman dan Luar;
    - (iv) Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugasan Audit Dalaman;
  - (v) Sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Pengurusan terhadap Audit Dalaman;
  - (vi) Melaporkan segala keputusan;
  - (vii) Mengesyorkan perubahan di dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
  - (viii) Sentiasa mengesyorkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan dan pembetulan yang sesuai.
- (c) Bertanggungjawab terhadap penubuhan fungsi Audit Dalaman, termasuk:
    - (i) Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
    - (ii) Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
    - (iii) Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dengan merujuk kepada Pengurusan;
    - (iv) Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
    - (v) Pemberitahuan tentang peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan untuk mengemukakan alasan peletakan jawatan;
    - (vi) Menyemak kecukupan skop dan fungsi Audit Dalaman;
    - (vii) Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat kedudukan yang sewajarnya di dalam Syarikat;
    - (viii) Pelarasian matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Syarikat;
    - (ix) Meletakkan Audit Dalaman di bawah penguasaan dan penyeliaan Jawatankuasa; dan
    - (x) Menyemak kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Syarikat kepada Juruaudit Dalaman.
  - (d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan dan penyingkiran Juruaudit Luar.
  - (e) Membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dari audit pada tahun sebelumnya, menyemak dengan Juruaudit Luar skop pelan audit tahunan semasa mereka, penilaian mereka ke atas akaun dan sistem kawalan dalam termasuk penemuan mereka serta tindakan susulan yang dicadangkan.
  - (f) Menyemak perubahan di dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil dari pengalaman tahun sebelumnya atau pun disebabkan oleh perkembangan baru.

- (g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Dalaman dan Luar dari semasa ke semasa;
- (h) Menyemak sebarang urus niaga pihak berkaitan atau situasi yang membabitkan sengketa kepentingan yang ketara yang mungkin timbul di dalam Syarikat;
- (i) Menyemak sebarang urus niaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan biasa Syarikat;
- (j) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

### **3. Mesyuarat**

Jawatankuasa telah mengadakan empat mesyuarat pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Setiausaha Syarikat dan Ketua Juruaudit Dalaman. Kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Ahli Jawatankuasa	Kehadiran
• Dato' Tan Teong Hean	4/4
• Encik Mohamed Azmi Mahmood	2/4
• Encik Michael Andrew Hague (dilantik pada 24.7.2002)	2/2
• Puan Yvonne Chia (bersara pada 23.3.2002)	1/1
• Encik Lee Kam Chuen (bersara pada 16.12.2002)	4/4
• Dato' Mohd Razif Abdul Kadir (bersara pada 23.1.2003)	3/4

Juruaudit Luar Syarikat telah menghadiri dua mesyuarat pada sepanjang tahun untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2002 dan membentangkan Pelan Audit bagi tahun 2002.

### **4. Ringkasan Aktiviti-Aktiviti**

Pada sepanjang tahun kewangan tersebut, Jawatankuasa telah melaksanakan tugas-tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam bidang rujukan. Perkara-perkara utama lain yang dibincangkan oleh Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman untuk tahun 2003;
- (b) Menyemak kaedah Audit Dalaman di dalam menilai dan menaraf risiko untuk lingkungan pengauditan dengan penekanan pada lingkungan risiko yang kritikal;
- (c) Menyemak keputusan tatacara Audit Dalaman, iaitu penemuan audit dan

- cadangan-cadangan yang diberikan oleh Juruaudit Dalaman dan ulasan pihak Pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan-cadangan tersebut;
- (d) Memantau pelaksanaan Pelan Audit Dalaman dan cadangan-cadangan audit untuk memastikan bahawa tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil atau sedang diambil terhadap cadangan-cadangan tersebut;
- (e) Menyemak prestasi Ketua Juruaudit Dalaman setelah berunding dengan pihak Pengurusan;
- (f) Menyemak skop audit oleh Juruaudit Luar dan Pelan Audit untuk tahun 2002;
- (g) Menyemak keputusan audit bagi setengah tahun dan akhir tahun oleh Juruaudit Luar dan membincangkan penemuan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar;
- (h) Menyemak penyata kewangan yang diaudit bagi setengah tahun dan akhir tahun dan memastikan ianya mematuhi keperluan pendedahan oleh pihak-pihak yang berkenaan; dan
- (i) Menyemak program audit (untuk Juruaudit Luar) bagi pinjaman dan hutang yang dijual kepada Cagamas.

### **5. Fungsi Audit Dalaman**

Syarikat mempunyai sebuah Jabatan Audit Dalaman yang mantap yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa dan membantu Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan bahawa Syarikat menguruskan risikonya dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi-fungsi audit dalaman Syarikat menurut Piagam Audit dan pelan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa.

Pelan audit tersebut telah dibuat berdasarkan keputusan-keputusan yang diperolehi dari proses penilaian risiko bersistematik, di mana risiko-risiko Syarikat telah dikenal pasti, diberi keutamaan dan dihubung kaitkan dengan proses-proses dan lingkungan pengauditan utama.

Pada keseluruhannya, audit yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan menitik beratkan penyemakan ke atas kecukupan sistem kawalan dalaman Syarikat, pengurusan risiko, laporan kewangan dan pematuhan undang-undang dan peraturan. Laporan audit dalaman dibentangkan untuk pertimbangan pihak Jawatankuasa dan untuk makluman Lembaga Pengarah.

# Penyata Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat mengekalkan satu sistem kawalan dalam yang mantap dan berkesan serta mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem tersebut. Sistem kawalan dalam merangkumi, antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedar bahawa sistem tersebut tidak dapat menghapuskan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan, tetapi ianya dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko kepada tahap yang munasabah. Oleh itu, ia hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah atau kerugian yang matan.

Para Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan Syarikat adalah komited untuk mencegah keselepasan risiko korporat di dalam semua bahagian operasi. Unit Pengurusan Risiko telah ditubuhkan dalam tahun 2002 untuk merumus, mengkaji semula dan melaksanakan polisi pengurusan risiko, strategi dan prosedur yang mantap di dalam Syarikat. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko untuk Syarikat pada bulan September 2002, yang antara lainnya, mentakrifkan punca-punca risiko perniagaan yang utama, menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa utama di dalam mengurus bidang-bidang risiko tertentu. Ianya juga membentangkan pendekatan secara menyeluruh Syarikat dalam menguruskan risiko-risiko tersebut. Penerangan lanjut mengenai pengurusan risiko adalah seperti yang dibentangkan dalam muka surat 49 ke 51 dalam Laporan Tahunan ini.

Jabatan Audit Dalam memberi jaminan kepada para Pengarah dengan mengendalikan pemeriksaan yang bebas tentang kecukupan, keberkesan dan keutuhan sistem kawalan dalam Syarikat. Ia mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko menurut pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Keputusan pengauditan tersebut diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang bermesyuarat empat kali dalam setahun. Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai sebarang kelemahan di dalam sistem kawalan dalam Syarikat. Prosedur baru telah atau akan dilaksanakan untuk

memperkuatkan kawalan apabila sesuatu kelemahan dikenal pasti. Pada sepanjang tahun kewangan ini, tiada sebarang kelemahan yang dikenal pasti telah menyebabkan sebarang kerugian yang matan, luar jangka atau ketidakpastian yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan Syarikat.

Lain-lain ciri utama di dalam sistem kawalan dalam Syarikat adalah:

- Bidang tanggungjawab dan penugasan kuasa yang jelas untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan kakitangan Syarikat;
- Polisi dalaman dan prosedur manual seperti Polisi Pengurusan Perbendaharaan didokumenkan dengan jelas. Kesemua manual ini dikaji semula sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun;
- Pelan perniagaan tahunan dan belanjawan terperinci yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat juga mengawasi keputusan sebenar bulanan berbanding belanjawan, di mana tindakan susulan akan dibuat ke atas perbezaan yang ketara;
- Laporan berkala kepada Lembaga Pengarah. Laporan tentang kedudukan kewangan Syarikat, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan serta urus niaga swap kadar faedah akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Lain-lain isu seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah, sekiranya perlu; dan
- Maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi disediakan untuk pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

# Pengurusan Risiko

Cagamas perlu mengkaji semula amalan-amalannya yang lalu dan melaksanakan strategi-strategi pengurusan risiko yang mantap ekoran daripada perubahan persekitaran yang pantas dan tidak menentu. Ini bukan sahaja akan melindungi keuntungan Syarikat malah akan mempertingkatkan lagi kelebihan bersaingan supaya Syarikat boleh terus berdaya tahan.

Lembaga Pengarah pada bulan September 2002 telah memformalkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang membentangkan pendekatan secara menyeluruh Syarikat dalam menguruskan risiko, termasuk mengenal pasti risiko yang berkaitan, kaedah pengurusan risiko yang digunakan oleh Syarikat serta tanggungjawab dan struktur laporan oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam pengurusan risiko.

Tujuan utama Syarikat dalam pengurusan risiko adalah untuk mengurus serta menghubung risiko secara berkesan dengan ganjarannya bagi memaksimumkan nilai para pemegang syer Syarikat di samping memastikan Syarikat boleh mengekalkan prestasinya.

Untuk mencapai tujuannya, Syarikat merancang untuk membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko secara menyeluruh. Strategi ini termasuklah:

- menajarkan strategi perniagaan dengan polisi pengurusan risiko korporat;
- mewujudkan rancangan penilaian risiko dan audit;
- membangunkan model risiko, sistem dan keupayaan pengurusan data untuk membantu pengurusan risiko secara konsisten;
- menanamkan budaya kesedaran risiko korporat; dan
- mempertingkatkan ketelusan risiko kepada pihak-pihak yang mempunyai pelbagai kepentingan di dalam Syarikat.

## Risiko yang Dihadapi oleh Syarikat

Syarikat berhadapan dengan risiko-risiko berikut:

- Risiko pasaran;
- Risiko kecairan;
- Risiko kredit; dan
- Risiko operasi.

## Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah pendedahan kedudukan kewangan Syarikat kepada pergerakan bertentangan di dalam kadar faedah atau harga pasaran. Risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat di dalam operasinya adalah disebabkan oleh pergerakan kadar faedah. Jenis-jenis risiko pasaran yang berkaitan dengan operasi Syarikat adalah risiko pendanaan tertangguh, risiko ketakpadanan pendanaan, risiko pelaburan semula, risiko asas, risiko harga dan risiko penawaran berlebihan.

Untuk memudahkan pengawalan risiko-risiko tersebut, Syarikat mengawasi dengan teliti dagangan bon dalam pasaran sekunder dan jangkaan pasaran semasa terhadap kadar faedah dan kadar hasil bon. Syarikat berkeupayaan untuk menerbitkan sekuriti hutang di dalam masa yang paling singkat. Bagi meminimumkan kesan pembelian balik ke atas aliran tunai, Syarikat juga telah mewajibkan penggantian bagi kesemua pinjaman dan hutang yang dibeli balik, kecuali bagi pinjaman perumahan, di mana pilihan diberikan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Polisi Pengurusan Perbendaharaan pada bulan Disember 2001 sebagai rangka kerja di mana pendedahan Syarikat kepada pelbagai risiko perbendaharaan dikendalikan. Polisi Pengurusan Perbendaharaan ini membentangkan, antara lain, struktur dan fungsi-fungsi Jabatan Perbendaharaan, polisi-polisi berkenaan pengurusan kecairan, pendanaan dan pelaburan, pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perbendaharaan, urus niaga yang dibenarkan dan had-had untuk aktiviti-aktiviti perbendaharaan.

Syarikat telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aset Liabiliti untuk memperkuatkkan pengurusan risiko pasaran Syarikat. Ini membolehkan Syarikat mensimulasikan dan menjalankan analisis tentang jurang, margin, durasi dan kepekaan dengan menggunakan senario kadar dan binaan andaian ke atas jumlah portfolionya (termasuk kesemua butiran kunci kira-kira). Analisis durasi dan kepekaan ke atas pendapatan faedah bersih teramal Syarikat digunakan untuk membuat keputusan dan mengurus pendedahan Syarikat kepada perubahan kadar faedah.

Syarikat juga menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan kadar faedah dan swap kadar faedah untuk mengurus dan melindung nilai pendedahannya kepada turun naik kadar faedah

pasaran. Syarikat tidak menjalankan sebarang aktiviti perbendaharaan yang tiada berkaitan dengan aliran tunainya atau yang bersifat spekulatif semata-mata.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan liabilitinya apabila matang. Ini termasuk risiko di mana dana yang dipinjam tidak dapat diperolehi apabila Syarikat memerlukannya atau dana tersebut tidak dapat diperolehi bagi tempoh yang dikehendaki atau pada kos yang berpatutan.

Syarikat mengurangkan risiko kecairan dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat mengekalkan sumber dana belum guna yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan digunakan bagi menjelaskan hutangnya. Pengawasan teliti dan perancangan aliran tunai serta keupayaan Syarikat untuk menerbitkan nota-nota bagi pendanaan jangka pendek turut membantu mengurangkan risiko kecairan Syarikat.

### **Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah potensi ketidaktentuan pendapatan yang disebabkan oleh kegagalan para pelanggan atau rakan niaga Syarikat dalam memenuhi kewajipan kewangan mereka tepat pada masanya. Oleh itu, Cagamas mungkin terpaksa menggantikan urus niaga tersebut dengan rakan niaga yang lain atau meminjam daripada pasaran wang antara bank.

Risiko kredit juga timbul daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Syarikat, di mana perubahan dalam tanggapan pasaran dan taksiran tentang keteguhan kewangan serta kualiti kredit penerbit mungkin mengakibatkan pelaburan-pelaburan tersebut mengalami pergerakan harga yang bertentangan. Syarikat mungkin menghadapi kerugian kewangan apabila pelaburan-pelaburan tersebut terpaksa dijual sebelum ianya matang.

Syarikat membeli pinjaman dan hutang dengan hak tuntut balik. Kebanyakan daripada pembelian pinjaman dan hutang oleh Syarikat adalah daripada institusi kewangan yang diselia oleh Bank Negara Malaysia. Pinjaman dan hutang tersebut juga diaudit setiap tahun bagi memastikan pinjaman dan hutang yang dibeli adalah mengikuti kualiti yang dikehendaki oleh Cagamas. Oleh yang demikian, kebarangkalian kegagalan institusi penjual untuk membuat pembayaran adalah minimum.

Syarikat juga mengurangkan risiko kredit melalui dasar kredit dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Parameter yang digunakan dalam menetapkan had kredit disemak oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa. Had kredit untuk rakan niaga bagi pembelian pinjaman dan hutang, pelaburan dan urus niaga pasaran wang disemak dan dipantau dengan lebih kerap. Terdapat juga panduan serta had yang ketat untuk pelaburan yang dibenarkan dan pelaburan tersebut adalah terhad kepada sekuriti yang bermutu tinggi. Tujuan utama pelaburan ialah untuk mengurus dana Syarikat dengan mengoptimumkan pulangan ke atas pelaburan, di dalamkekangan keselamatan dan kecairan, untuk dipadankan dengan ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat hanya akan menjual pelaburannya sebelum ianya matang dalam keadaan tertentu dan dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Pengurusan Perbendaharaan Syarikat.

### **Risiko Operasi**

Risiko operasi adalah potensi pendedahan kepada kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tingkah laku manusia, sistem atau daripada peristiwa-peristiwa luaran. Ianya juga termasuk risiko sumber manusia, perundangan dan reputasi.

Syarikat mengurangkan risiko operasinya dengan mengadakan kawalan dalaman, sistem dan prosedur yang komprehensif yang dikaji semula dengan kerap dan tertakluk kepada kekerapan audit oleh juruaudit dalaman. Syarikat juga telah menyediakan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang komprehensif untuk meminimumkan kesan daripada potensi gangguan bencana dalaman dan luaran kepada operasi Syarikat. Pelan Kesinambungan Perniagaan berkenaan dikemaskinikan dengan kerap selaras dengan perubahan dalam proses perniagaan dan diuji untuk memastikan ianya masih berkaitan.

Syarikat sedang menuju ke arah pengkomputeran bagi kebanyakan daripada operasinya. Sehubungan dengan ini, Syarikat sedang di dalam proses melaksanakan Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman secara bersepadu sepenuhnya untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan laporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman serta pengesahan yang akan membolehkan Syarikat mengekalkan dan mengawasi had dan menerima amaran sekiranya berlaku sebarang pelanggaran had.

## **Struktur Organisasi Pengurusan Risiko**

Selaras dengan amalan terbaik dan urus tadbir korporat yang baik, Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa terdapat penyeliaan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko di dalam Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan kehendak terhadap risiko dan paras toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan Syarikat dan profil risiko yang dikehendaki. Lembaga Pengarah juga kerap mengkaji semula dan meluluskan kesemua polisi pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab harian bagi pengurusan risiko kepada pihak Pengurusan Kanan (Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi dan Pengurus Kanan) dan jawatankuasa-jawatankuasa risiko untuk mengurus dan mengawal risiko-risiko tertentu. Tanggungjawab pihak Pengurusan Kanan adalah untuk melaksanakan polisi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan bahawa terdapat prosedur operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk mengukur, mengawasi dan mengawal risiko. Pihak Pengurusan Kanan melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan dan keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa risiko, dengan Ketua Pegawai Eksekutif mempengaruhi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Risiko Kredit, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Tender Bon dan Jawatankuasa Pemandu bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertanggungjawab ke atas pengurusan aset liabiliti Syarikat, strategi bagi penetapan harga dan pendanaan dan juga pengurusan risiko pasaran dan risiko kecairan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada pihak Pengurusan Kanan dan kakitangan kanan daripada jabatan-jabatan Perbendaharaan, Operasi dan Akaun. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dan wakil-wakil daripada Jabatan Audit Dalaman dan Unit Pengurusan Risiko dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Risiko Kredit bertanggungjawab ke atas pengurusan risiko kredit. Jawatankuasa Risiko Kredit kerap menetapkan dan mengkaji semula polisi dan had bagi risiko kredit serta membincangkan isu berkaitan dengan risiko kredit. Jawatankuasa Risiko Kredit terdiri daripada pihak Pengurusan Kanan dan kakitangan kanan daripada jabatan-jabatan Perbendaharaan dan Operasi.

Jawatankuasa Pelaburan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelaburan Syarikat dibuat mengikut polisi yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pelaburan juga menetapkan dan mengkaji semula had dan polisi bagi pelaburan serta bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada pihak Pengurusan Kanan dan kakitangan kanan daripada jabatan-jabatan Perbendaharaan dan Akaun.

Terdapat beberapa jawatankuasa yang mengawasi aspek tertentu dalam risiko operasi. Jawatankuasa Pembangunan Produk ditubuhkan untuk menilai dan membangunkan produk baru dan mengkaji semula pasaran dan produk semasa selaras dengan strategi dan pelan perniagaan Syarikat.

Jawatankuasa Tender Bon ditubuhkan untuk menyelia dan meluluskan prosedur bagi tender sekuriti hutang. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan untuk memupuk kerjasama di antara pihak Pengurusan Kanan dan kakitangan bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal keadaan yang membahayakan di tempat kerja.

Jawatankuasa Pemandu bagi Teknologi Maklumat dan Komunikasi bertanggungjawab untuk membangun dan mewujudkan strategi dan polisi bagi aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi Syarikat termasuk mengkaji semula pembangunan sistem dan perolehan perkakasan.

Jabatan Audit Dalaman membantu dalam penyeliaan pengurusan risiko operasi melalui laporan secara kerap kepada Jawatankuasa Lembaga Audit untuk memberi jaminan yang bebas bahawa risiko telah dikenal pasti dan terdapat kawalan yang cukup dan berkesan ke atas semua aspek operasi Syarikat.

Jabatan-jabatan dan unit-unit adalah bertanggungjawab dalam menguruskan risiko di dalam fungsi kerja mereka masing-masing. Unit Pengurusan Risiko diwujudkan untuk memusatkan pengurusan risiko dan memastikan bahawa terdapat penyeliaan bebas yang mencukupi. Unit Pengurusan Risiko adalah bebas daripada jabatan-jabatan dan unit-unit lain di dalam Syarikat yang terlibat di dalam aktiviti yang melibatkan risiko. Peranan Unit Pengurusan Risiko adalah untuk membantu pihak Pengurusan Kanan dan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dengan risiko dalam mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.